



# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil.4 Julai 2008/ Jamadilakhir - Rejab 1429H

ISSN 1675-1875 NEASKAH Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## KEMPEL BUMI HIJAU



Majlis Pelancaran yang disempurnakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Kempen Program Bumi Hijau telah diwujudkan semula oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi membantu mengurangkan kos perbelanjaan rakyat Malaysia di atas kenaikan harga minyak baru-baru ini. Kempen yang mengalakkkan orang ramai bercucuk tanam dengan tanaman yang boleh dimakan (edible plants) ini juga dapat mewujudkan kesedaran dan minat rakyat terhadap pertanian.

Di Peringkat Kebangsaan, kempen ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di salah sebuah kawasan perumahan awam terbesar di Malaysia iaitu di Taman Sri Nading Hulu Langat, Selangor. Manakala di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula ianya telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur di PPR Beringin.

Sebagai mendukung kempen ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sendiri telah melaksanakannya di lapan (8) buah Projek Perumahan Rakyat DBKL iaitu di PPR Jelatek, PPR Beringin, PPR Kg. Muhibbah, PPR Laksamana, PPR Perkasa, PPR Seri Kota, PPR Setapak Jaya 1A dan PPR Hiliran Ampang. Pendekatan Program Bumi Hijau di Kuala Lumpur yang dilaksanakan adalah lebih berbentuk penanaman secara komuniti yang melibatkan beberapa kumpulan individu, Persatuan Penduduk atau JKKK kawasan masing-masing.

Setiap PPR yang terlibat ini dibekalkan dengan peralatan dan keperluan asas pertanian oleh DBKL bagi memudahkan aktiviti penanaman dilaksanakan. Pendekatan program anak angkat juga telah digunakan di mana seorang Arkitek Landskap/Pegawai Pertanian ditugaskan untuk menyelia dan menyelaraskan kempen ini di PPR angkat masing-masing. Selain itu, Jabatan Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut membantu dalam memberi khidmat nasihat, teknik penanaman dan pembekalan biji benih kepada PPR yang berkenaan.

Melalui kempen ini, diharapkan warga kota yang lain akan turut mencuba mengamalkan penanaman edible plants di kawasan perumahan masing-masing. Ini dapat mewujudkan kesan 'multiplier' di mana lebih ramai penduduk melibatkan diri dalam pengeluaran sayur-sayuran untuk keperluan sendiri.

**Tanam Ternak Guna Sendiri,  
Jimat Cermat Bina Ekonomi"**



Tanaman yang menghasilkan buah-buahan juga boleh ditanam untuk mengurangkan kos perbelanjaan dapur.



## DARI MEJA DATUK BANDAR

Isu kenaikan harga minyak telah menjadi topik perbincangan hangat, samada di peringkat tempatan atau global. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, pelbagai langkah dan usaha telah diambil bagi menangani krisis yang memberi kesan kepada semua pihak terutamanya kepada rakyat. Salah satu langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ialah penjimatan di dalam perbelanjaan oleh kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sendiri tidak terkecuali dalam mengambil pelbagai langkah-langkah perlu bagi mematuhi arahan pihak Kerajaan tersebut.

Di peringkat DBKL, langkah-langkah penjimatan tersebut turut melibatkan aspek pengurusan hariannya. Ini termasuklah menghadkan penggunaan tenaga elektrik terutamanya penggunaan alat pendingin hawa dan lampaui, penggunaan alat tulis secara jimat cermat dan melaksanakan urusur secara 'paper less' dengan memaksimumkan penggunaan emel dan pertukaran maklumat secara elektronik, mengurangkan perbelanjaan sedia makmum semasa mesyuarat, pengkongsi kenderaan pejabat di kalangan pegawai dan kakitangan, pelaksanaan pengajuran kursus di dewan-dewan milik DBKL, disamping mengurangkan perbelanjaan bagi pengajuran acara-acara perasmian

atau pelancaran sesuatu program. Secara keseluruhannya, DBKL berharap akan dapat menjimatkan sebanyak 30% daripada belanjawan mengurus yang telah diluluskan pada tahun 2008 ini dengan langkah-langkah penjimatan berkenaan. DBKL juga akan meneliti semula perbelanjaan dan perlaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang sebelum ini dari segi keberlanjutan dan keutamaannya. Saya juga mengambil peluang ini untuk menyeru kepada semua warga kota agar sama-sama mengambil langkah berjimat cermat di dalam kehidupan seharian. Pelbagai langkah penjimatan dapat dilakukan, sebagai contoh warga kota boleh mengamalkan tabiat berkongsi kereta untuk ke sesuatu destinasi terutama ke tempat kerja. Dengan cara ini kos pengangkutan dapat dikongsi bersama dan secara tidak langsung masalah kesesakan dan pencemaran udara di bandar raya Kuala Lumpur dapat dikurangkan.

Di samping itu, warga kota juga boleh mengamalkan hobi dan tabiat berkebun dengan menanam tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan. Ini dapat mengurangkan perbelanjaan barang-barang dapur seterusnya pengambilan makanan yang segar dan berkualiti dapat ditentukan sendiri oleh warga kota. Kawasan sekitar rumah juga dapat diperindah dengan tanaman sayuran yang mempunyai pelbagai warna yang menarik. Usaha ini adalah selaras dengan Kempen Bumi Hijau yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Saya juga pernah memaklumkan sebelum ini bahawa masalah vandalisme atau perbuatan merosak harta benda awam masih berlaku di bandar raya ini dan pihak DBKL telah mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan. Dalam hal ini, sekiranya kita sama-sama bertanggung jawab menjaga kemudahan awam yang disediakan sudah tentu wang bagi tujuan pembaikan kemudahan berkenaan dapat dijimatkan. Malah wang tersebut boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan lain bagi keselesaan warga kota.

Sekiranya langkah-langkah penjimatan dilaksanakan oleh semua pihak secara tidak langsung perbelanjaan bagi perkara-perkara yang tidak perlu dapat dikurangkan. Ini serba sedikit dapat dapat memberikan kelegaan dan membantu kita dalam menghadapi beban kesan daripada kenaikan harga minyak yang berlaku.

# FROM THE MAYOR'S DESK

The issue of increased fuel prices has been a heated discussion, whether at a local or global level. Various steps and initiatives have been taken by the government to manage this crisis which affected all parties, especially the public. One of the steps taken by the government to overcome this crisis is to adopt thrifty measures in spending at all ministries and government agencies. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) is not excluded from taking up this measures.

At DBKL's level, thrifty initiatives are taken in its daily management aspects. This includes the minimizing of electricity usage, especially the use of air conditioners and lightings, the stationery usage and now DBKL is also practicing the paperless concept in daily work routine by maximizing email usage and electronic exchanges of information. These also includes reducing meeting's refreshment expenses, practicing car-pooling amongst officers and staffs, utilizing the DBKL's halls for internal courses as well as reducing organizing expenses of any ceremony, event or programme launch by DBKL. DBKL will also review the expenses and implementation of development projects which were previously planned on their necessity and priority angle. By taking these measures, DBKL hope to save 30% on its approved management budget for the year 2008.

I would also like to take this opportunity to call upon all city residents to take the initiatives to save up in spending money. Various saving initiatives can be undertaken, such as car-pooling. Therefore transportation cost can be shared and thus the traffic congestion and air pollution in Kuala Lumpur City can be reduced.

Besides that, city residents can also adopt the gardening hobby. By planting edible plants, groceries expenses can be reduced and at the same time they can consume fresh and quality foods. The house's compound may also be beautified by these plants. This initiative is in line with the Green Earth Campaign which was initiated by the YAB Prime Minister.

I have also highlighted before that vandalism or the damaging of public properties is still occurring in the city and DBKL has spent a considerable sum in repair works. In this respect, if we together are responsible in maintaining the existing public amenities, the money spent in repair

Perpustakaan Kuala Lumpur  
(Kuala Lumpur Resource Centre)

works could have been saved. The money could even be spent on providing other amenities for the comfort of the city residents. If all parties undertake these thrifty measures, spending on unnecessary matters can be reduced. This will definitely help us in dealing with the burden of the recent increased in cost of living.

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai di sini. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: dbkl@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Dato' Ab. Hakim bin Borhan

Ketua Editor: Y.Bhg. Datuk Hj Salleh bin Yusup

Editor: Anwar bin Mohd Zain

Sub-Editor: Nur Diana bt Md Ghazali

Jurufoto: Abd Rhani bin Md Shohor

Md Ismail bin Isnin

*Sayangi Kuala Lumpur*